



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

MALAYSIA MENGECEM TINDAKAN ISLAMOFobia MEMBAKAR AL-QURAN KARIM DI STOCKHOLM, SWEDEN

Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan pihak berkuasa Sweden membenarkan perbuatan provokatif membakar Kitab Suci Al-Quran pada 28 Jun 2023 di Stockholm, Sweden. Tindakan mencemarkan Kitab Suci Al-Quran, tatkala umat Islam di seluruh dunia menyambut Hari Raya Aidiladha, merupakan penghinaan kepada umat Islam di seluruh dunia dan melanggar prinsip sejagat menghormati dan memahami semua agama dan Kitab Suci mereka.

Ini merupakan kali kedua tindakan keji sedemikian berlaku di Sweden tahun ini, selepas insiden pertama yang berlaku pada Januari 2023. Keputusan mahkamah Sweden untuk membenarkan perbuatan keji ini berulang lagi bukanlah satu langkah yang progresif dalam usaha untuk meningkatkan rasa hormat dan persefahaman demi kebaikan umat manusia. Sebaliknya, langkah tersebut adalah seumpama membenarkan jenayah kebencian dan provokasi jahat yang bertujuan untuk menyebarkan kebencian agama dan hasutan kepada keganasan, yang merosakkan usaha keamanan dan ketamadunan.

Malaysia menggesa kerajaan Sweden untuk mengambil tindakan segera terhadap pelaku jenayah kejam ini dan mengambil langkah yang serius untuk memerangi sentimen Islamofobia yang semakin membimbangkan di Sweden. Malaysia percaya bahawa ketiadaan sebarang tindakan daripada pihak berkuasa Sweden dalam membendung tindakan provokatif ini boleh membawa kesan yang buruk terhadap hubungannya dengan umat Islam di seluruh dunia.

Malaysia mengulangi gesaannya supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) mengambil tindakan segera dalam menggalakkan penghormatan dan perlindungan sepenuhnya ke atas kitab suci agama serta memerangi sentimen Islamofobia yang semakin membimbangkan di seluruh dunia.

PUTRAJAYA
30 Jun 2023



WISMA PUTRA